

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO. W-02-1151-05**

ANTARA

**DATUK SERI PANGLIMA MOHD SARI
BIN DATUK HAJI NUAR**

...PERAYU

DAN

**1. VEE SENG DEVELOPMENT SDN. BHD.
2. PANDUAN KENCANA SDN BHD
3. VEETAR PLANTATIONS SDN BHD.**

**...RESPONDEN-
RESPONDEN**

**[DALAM PERKARA MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR
GUAMAN SIVIL NO: D3-22-2037-1999]**

ANTARA

**1. VEE SENG DEVELOPMENT SDN BHD.
2. PANDUAN KENCANA SDN BHD
3. VEETAR PLANTATIONS SDN BHD**

**...PLAINTIF-
PLAINTIF**

DAN

**DATUK SERI PANGLIMA MOHD SARI
BIN DATUK HAJI NUAR**

...DEFENDAN

**Koram: Heliliah Mohd. Yusof, HMR
Abdul Malik Ishak, HMR
Wan Adnan Muhamad, HMR**

PENGHAKIMAN

Ini adalah keputusan Mahkamah. Panel ini sebulat suara telah membenarkan permohonan Perayu melalui Lampiran 31a iaitu suatu Notis Usul yang dibuat di bawah peruntukan Seksyen 69 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta) berserta dengan peruntukan Kaedah 7, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 (KMR). L 31a tersebut ialah untuk suatu perintah seperti berikut:-

1. Dokumen-dokumen yang berikut, yang kesemuanya difailkan di Mahkamah Rayuan Malaysia iaitu Rayuan Sivil No.W-02-1151-2005 diterima dan dibaca sebagai keterangan pada pendengaran rayuan Perayu di Mahkamah Yang Mulia ini:-
 - a) Notis Usul bertarikh 9.12.2005;
 - b) Affidavit Sokongan No.1 yang diikrarkan oleh Datuk Seri Panglima Mohd Sari Bin Datuk Nuar pada 7.12.2005;

- c) Affidavit Jawapan Responden-Responden yang diikrarkan oleh En. Lim Chin Khuan pada 28.12.2005; dan
 - d) Affidavit Jawapan No.2 yang diikrarkan oleh Datuk Seri Panglima Mohd Sari Bin Datuk Nuar pada 9.1.2006.
2. Kos permohonan ini dijadikan kos dalam kausa di Mahkamah Rayuan Malaysia, Rayuan Sivil No.W-02-1151-2005; dan
 3. Mana-mana Perintah dan/atau arahan lain yang dianggap patut dan sah oleh Mahkamah Mulia ini.

Terlebih dahulu kami akan paparkan secara ringkas kronologi fakta kes untuk mendapat gambaran yang jelas bagi menghayati keputusan yang kami telah capai.

Perayu pemohon ialah Defendan dalam prosiding di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Manakala Responden-responden ialah Plaintiff dalam prosiding berkenaan. Untuk mengelak kekeliruan, selepas ini saya bahasakan pemohon sebagai Perayu dan Responden-responden sebagai Responden.

Responden telah berjaya mendapat suatu penghakiman terhadap Perayu selepas perbicaraan penuh di Mahkamah Tinggi. Tindakan Responden ialah untuk mendapat balik sejumlah wang iaitu RM7,350,000.00 yang telah diberi kepada Perayu berikutan suatu cadangan pembelian saham syarikat Pandai Kaya Sdn. Bhd. dan saham 6 syarikat lain seperti dipersetujui oleh Perayu dan Responden.

Perayu memperakui peranannya sebagai pemegang amanah (stake holder) wang berkenaan kepada Responden 1(R1) dan Responden 3 (R3) yang merupakan agen kepada Responden 2 (R2). Jika Responden menarik balik rancangan pembelian saham syarikat-syarikat tersebut, Perayu akan memulangkan balik wang RM7.350 juta tersebut seperti surat akujanji Perayu bertarikh 10.11.1997 (ekshibit DSSN-2).

Responden telah menarik balik cadangan untuk membeli saham-saham berkenaan melalui surat mereka bertarikh 11.11.1997. Responden melalui surat peguam mereka bertarikh 5.12.1997 membuat tuntutan untuk mendapat balik wang RM7.350 juta tetapi perayu gagal berbuat demikian.

Pembelaan Perayu ialah akujanji tersebut (DSSN-2) untuk bayar balik wang berkenaan telah diambil alih oleh perjanjian berbentuk sebahagian lisan dan sebahagian bertulis (Superceding Agreement) diantara Perayu dengan seorang

bernama Lim Kim Yeo iaitu Pengerusi R1 yang berbentuk seperti berikut:-

1. R1 akan biayai pinjaman kepada Syarikat Win Luck Sdn. Bhd. (Win Luck) sebanyak RM20 juta
2. Wang sebanyak RM7.350 juta akan dibayar kepada Win Luck sebagai sebahagian pinjaman RM20 juta tersebut.
3. Win Luck akan cagar sebanyak 35,714 saham biasa dalam Syarikat Borneo Utama Sdn. Bhd. sebagai 'collateral' dan jaminan kepada RM20 juta tersebut bagi maksud pelaburan R1.
4. R1 akan memasukan perjanjian baru mengenai pembelian saham Win Luck dalam Syarikat Borneo Utama Sdn. Bhd. dan pinjaman RM20 juta beroperasi sebagai penolakan (set off) terhadap harga pembelian saham Win Luck.

Selepas penghakiman Mahkamah Tinggi diberi, Perayu memohon pengantungan pelaksanaan penghakiman tetapi ditolak oleh Mahkamah Tinggi.

Perayu membuat permohonan untuk pengantungan di Mahkamah Rayuan dan hasil persetujuan kedua-dua pihak

Mahkamah Rayuan memberi perintah pengantungan atas syarat perbicaraan dipercepatkan.

Pada 9.12.2005 Perayu telah memohon untuk suatu pengantungan di Mahkamah ini atas alasan bahawa R1 dan R3 telah pun mendapat penguntukan (allocation) saham-saham Win Luck dalam syarikat Borneo Utama Sdn. Bhd. tetapi masih belum membuat bayaran. Selanjutnya Perayu menyatakan R1 dan R3 yang mendapat manfaat daripada saham-saham tersebut oleh itu ia tidak akan memudharatkan mereka jika pengantungan diberi.

R1 dan R3 telah membantah permohonan pengantungan melalui affidavit jawapan yang di ikrarkan oleh Encik Lim Chin Khuan (LCK) yang mengatakan bayaran telah dibuat terhadap saham-saham berkenaan oleh itu R1 dan R3 akan dimudharatkan jika pengantungan diberi oleh mahkamah ini.

Perayu menyatakan affidavit LCK yang mengandungi dokumen-dokumen merupakan keterangan baru (fresh evidence) yang bercanggah dengan dua surat ekshibit D5 dan D24 yang dikemukakan dalam perbicaraan penuh di Mahkamah Tinggi. Selanjutnya Perayu menyatakan keterangan baru menunjukkan R1 dan R3 telah membuat pembayaran atas penguntukan saham-saham berkenaan pada hari notis tuntutan dibuat terhadap Perayu. Atas alasan

tersebut Perayu mempertikaikan tanggungan beliau untuk membuat bayaran bersabit akujanji kedua (DSSN-2).

Perayu menegaskan bahawa akujanji kedua telah lupus dengan melalui suatu perjanjian yang mana R1 dan R3 telah membayar Anika Desiran Sdn. Bhd. (Anika) dan Corak Nakhoda Sdn. Bhd. (Corak). Oleh yang demikian Perayu mendakwa beliau tidak perlu membayar R1 dan R3 seperti diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

Dalam hujahnya Peguam Perayu menegaskan bahawa dokumen-dokumen yang diekshibitkan dalam affidavit LCK yang di ikrarkan pada 28.12.2005 adalah suatu keterangan baru (fresh evidence) yang disembunyikan semasa perbicaraan tindakan Perayu terhadap Responden di Mahkamah Tinggi dan secara langsung bertentangan dengan surat tuntutan oleh Responden untuk mendapat balik wang RM7.350 juta daripada Perayu (sila lihat DSSN-3).

Sehubungan dengan itu beliau menyarankan bahawa teras pembelaan Perayu ialah akujanji kedua telah dilenyapkan oleh "Superceding Agreement" dan menjadi tanggungan R1 dan R3 untuk membayar terhadap saham yang diperuntukan dalam kedua-dua syarikat berkenaan. Justeru itu menunjukkan R1 dan R3 bergantung kepada

keterangan baru (fresh evidence) bila membantah permohonan Perayu untuk pengantungan pelaksanaan.

Adalah menjadi teras hujah Peguam Perayu jika 'fresh evidence' tersebut tidak disembunyi semasa perbicaraan sudah tentu Mahkamah Tinggi akan membuat penentuan yang berlainan (different conclusion) kerana keterangan baru tersebut begitu menyakinkan untuk menunjukkan Responden tidak ada asas untuk membuat tuntutan terhadap Perayu atas wang sejumlah RM7.350 juta tersebut.

Dalam hujah bertulis dan lisan untuk menentang permohonan di L31(a) Peguam Responden menegaskan bahawa pihak Responden tidak pernah sembunyikan keterangan yang dimaksudkan. Persoalan pembayaran kepada Anika dan Corak tidak relevan kepada pembelaan Perayu kerana pembelaan Perayu berteraskan akujanji telah dilupuskan dengan kononnya wujud pembayaran atas jumlah RM7.350 juta tersebut kepada Win Luck.

Mengikut beliau keterangan baru dapat dikemukakan di Mahkamah Tinggi semasa perbicaraan jika langkah 'reasonable diligence' diambil oleh Perayu misalnya melalui soal balas terhadap saksi-saksi. Kegagalan pihak Perayu berbuat demikian membuktikan tiada langkah sepatutnya diambil oleh Perayu malahan dalam affidavit sokongan

Perayu tidak menunjukkan langkah tersebut telah diambil. Adalah menjadi teras hujah pihak Responden, permohonan di L31a adalah 'after thought' untuk memperbaiki atau mengubah asas pembelaan Perayu menjuruskan kepada 'relitigation' (**Maxisegar Sdn. Bhd. v. Silver Concept Sdn. Bhd. [2005] 5 MLJ 1**).

Seperkara dengan itu Peguam Responden menghujahkan pembelaan Perayu tidak diasaskan atas penguntukan saham-saham dalam syarikat-syarikat Anika dan Corak bersangkut paut dengan kononnya 'Oral Superceeding Agreement' yang boleh melupuskan tanggungan Perayu untuk membayar balik wang RM7.350 juta tersebut kerana ia tidak diplidkan seperti terbukti dalam butiran pembelaan. Malahan ia juga tidak di plidkan mengenai peranan Perayu dalam penguntukan saham Anika dan Corak. Perayu juga tidak kemukakan keterangan semasa bicara mengenai saham Anika dan Corak ada kaitan dengan 'Oral Superceeding Agreement'.

Prinsip Undang-undang dalam permohonan di bawah peruntukan Seksyen 69 Akta dan Kaedah 7 KMR sudah mantap. Nas-nas seperti kes Inggeris **Ladd v. Marshall [1954] 3 All ER 745** menjadi panduan bila mana Mahkamah berdepan dengan permohonan sedemikian. Diantaranya ialah kes **Lau Foo Sun v Government of Malaysia [1970] 2**

MLJ 70; Asiatic Development Berhad & Anor v. Balachandar a/l Palanysamy [1996] 1 CLJ 725.

Prinsip-prinsip mengenai penerimaan keterangan lanjut (fresh evidence) telah diterapkan ke dalam KMR melalui PU(A) 380/98 dan menjadi Kaedah kecil (3A) pada peruntukan Kaedah 7 (**Maxisegar Sdn. Bhd. (Supra)**). Kaedah 7(3A) adalah seperti berikut:-

(3A) Pada masa pendengaran rayuan, keterangan lanjut tidaklah boleh diterima melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa:-

- (a) pada masa pendengaran di hadapan Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah, mengikut mana-mana yang berkenaan, keterangan baru itu tidak boleh didapati oleh pihak yang hendak menggunakan keterangan baru itu, atau bahawa usaha yang munasabah tidak mungkin menjadikan keterangan baru itu boleh didapati sedemikian; dan
- (b) keterangan baru itu, jika benar, akan mempunyai atau mungkin mempunyai kesan penentu atas keputusan Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kami membenarkan L31a atas fakta latarbelakang kes ini. Jika diteliti fakta kes ini adalah berbeza dengan fakta kes-kes yang dibangkitkan oleh Responden. Dalam kes-kes tersebut permohonan adalah untuk kemukakan keterangan baru dalam rayuan ialah mengenai keterangan yang bukan merupakan yang wujud dalam prosiding rayuan. Misalnya dalam kes Maxisegar keterangan baru yang hendak dikemukakan ialah keterangan saksi yang akan diperolehi melalui proses prosedur pengambilan keterangan saksi dalam bicara. Dalam permohonan L31a keterangan baru ialah untuk mengemukakan affidavit-affidavit bersabit dengan prosiding pengantungan di Mahkamah ini. Adalah tidak dinafikan keterangan tersebut tidak dikemukakan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Ia hanya ditemui di dalam affidavit-affidavit dalam prosiding pengantungan yang dikatakan.

Pada pendapat kami keterangan baru tersebut berkemungkinan dapat mempengaruhi keputusan HMT kerana ia adalah bersangkutan rapat dengan pembayaran harga saham-saham dalam Anika dan Corak yang dianggap boleh melupuskan tanggungjawab Perayu untuk membayar RM7.350 juta memandangkan dalam pembelaan Perayu dihidup wujud Superceding Agreement. Adalah suatu prinsip mantap bahawa keterangan baru tersebut boleh diterima walaupun berkemungkinan boleh dipertikaikan.

Kami bersetuju dengan hujah peguam pemohon bahawa keterangan baru yang dijumpai pada saat-saat akhir tidak mungkin dapat dijadikan kenyataan dalam pliding.

Akhir sekali kami berpendapat dengan keterangan baru ia akan dapat membantu Mahkamah ini mencapai keputusan yang saksama. Kami juga berpandangan penerimaan keterangan baru yang merupakan affidavit-affidavit berkenaan tidak akan memperjudiskan Responden kerana affidavit-affidavit tersebut juga termasuk affidavit pihak Responden sendiri.

Bertarikh 29 hb. April, 2009

t.t.

[DATO' WAN ADNAN BIN MUHAMAD]
Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia.

Bagi Pihak Perayu

Tetuan Shafee & Co.,
Peguambela & Peguamcara
Chambers 25,
No.25, Jalan Tunku,
Bukit Tunku,
50480 Kuala Lumpur.

[Ruj: S3229 MSA/FKJ]

Bagi Pihak Responden

Tetuan Tuan, Mohd Zain & Co.,
Peguambela & Peguamcara
75, Jalan Gasing,
46000 Petaling Jaya,
Selangor.

[Ruj: YKL/VSD/VKP/182/1999-mn]

Kes-kes Yang Dirujuk

1. Maxisegar Sdn. Bhd. v. Silver Concept Sdn. Bhd.
[2005] 5 MLJ 1;
2. Ladd v. Marshall [1954] 3 All ER 745;
3. Lau Foo Sun v. Government of Malaysia [1970]
2 MLJ 70;
4. Asiatic Development Berhad & Anor v. Balachandar
a/l Palanysamy [1996] 1 CLJ 725.